

MAJLIS PENUTUP KURSUS JURUTEKNIK MATERIEL SIRI 146/2017

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2328-majlis-penutup-kursus-juruteknik-materiel-siri-146-2017

INSMAT, 23 Ogos 17 – Majlis Penutup Kursus Juruteknik Materiel Siri 146/17 telah disempurnakan oleh Ketua Jurulatih INSMAT, Mej Rashidy bin Zulkifli TUDM. Pelatih Akademik Terbaik bagi Kursus ini ialah LUK (W) Murnie binti Juni dan Pelatih Terbaik Keseluruhan dinobatkan kepada LUK Mohamad Atiff bin Zainul Abidin.

Dalam Ucapannya, beliau berharap agar setiap penuntut supaya banyak berfikir dan melengkapkan diri dengan menguasai pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan melalui pembacaan, pengamatan, pergaulan dan pengalaman selain sensitif dan peka dengan keperluan serta isu semasa yang berlaku di sekeliling. Perancangan yang dibuat juga perlu diatur dengan baik dan teliti supaya hasil yang akan diperolehi akhirnya nanti mampu membawa perubahan baik.

